



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)

PGA Rampas Produk Daging Babi Sejuk Beku Bernilai Lebih RM5.25 Juta di Kuching

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Dalam Talian	11 Feb



KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak merampas pelbagai produk daging babi sejuk beku bernilai lebih RM5.25 juta dalam serbuan Ops Taring Chiller di sebuah premis di daerah ini, Isnin lalu.

Komander Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak SAC Lim Bak Phai berkata, operasi pada 9 Februari itu dijalankan sepasukan anggota Cawangan Risik Ibu Pejabat Briged Sarawak PGA bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak.

Dalam serbuan tersebut katanya, seorang lelaki tempatan berusia 32 tahun ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti penyimpanan serta penjualan produk sejuk beku tanpa dokumen atau permit sah.

“Hasil pemeriksaan lanjut membawa kepada rampasan sebanyak 15,756 kilogram produk daging babi sejuk beku selain pelbagai peralatan pemprosesan daging dan kemudahan stor sejuk beku.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM5,252,917.60,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, kesemua tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 9(1), Veterinary Public Health Ordinance 1999.

Tambahnya, PGA Briged Sarawak akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan.

“Kita tidak akan berkompromi dan akan terus membanteras sebarang aktiviti penyeludupan dan pengedaran produk makanan yang tidak mematuhi peraturan.

“Khususnya yang boleh menjejaskan keselamatan makanan, kesihatan awam serta kepentingan pengguna,” tegasnya.-

[UTUSANBORNEO](#)

DVS Sabah Rampas 27,000 Kg Produk Ayam Sejuk Beku Tanpa Permit Import

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Video	Dalam Talian	11 Feb



Tangkap layar dari berita Astro Awani

Kerajaan Negeri Akur Titah Sultan Selangor Hentikan Perladangan Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Tribune	Berita Semasa	Dalam Talian	11 Feb



Amirudin Shari

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor akur dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya pembukaan ladang babi di negeri ini dihentikan sepenuhnya.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya telah menerima titah tersebut dan komited melaksanakannya sebaik mungkin.

“Kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin,” katanya ringkas selepas

Majlis Penyerahan Permit dan Kit Bazar Ramadan 2026, di sini hari ini.

Laporan media semalam menyebut, Sultan Sharafuddin tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor kerana dikhuatiri menimbulkan pencemaran alam sekitar serta keresahan masyarakat.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, penternakan

babi berisiko menyebabkan pencemaran udara akibat bau busuk selain mencemarkan sungai melalui pelepasan najis dan sisa kumbahan, yang boleh menjejaskan sumber air bersih.

Baginda turut menzahirkan kebimbangan meskipun kaedah penternakan moden mampu mengurangkan pencemaran, namun kosnya tinggi dan tiada jaminan sepenuhnya terhadap keselamatan alam sekitar.

Pada masa sama, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin menegaskan bahawa penternakan babi tidak wajar diteruskan sekiranya ia dibangunkan di kawasan yang menimbulkan kegelisahan serta bantahan penduduk.

Beliau berkata kerajaan tidak menghalang penternakan babi, namun isu berkenaan perlu ditangani secara rasional dengan mengambil kira aspek kesihatan, kebersihan dan keharmonian komuniti.-[MALAYSIATRIBUNE](#)

Kerajaan Selangor Akur Titah Sultan, Henti Projek Ladang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Bangkit	Terkini	Dalam Talian	11 Feb



PETALING JAYA: Kerajaan Selangor menzahirkan akur terhadap titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mengarahkan supaya pembukaan ladang babi di negeri itu dihentikan sepenuhnya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya telah menerima titah berkenaan dan komited untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin.

“Kita akan laksanakan

dengan sebaik mungkin,” katanya, seperti dipetik berita tempatan pada Rabu.

Sebelum ini, media melaporkan Sultan Sharafuddin tidak berkenan aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor berikutan kebimbangan terhadap risiko pencemaran alam sekitar serta keresahan dalam kalangan masyarakat.

Menurut kenyataan Pejabat Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, penternakan babi berpotensi

menyebabkan pencemaran udara akibat bau yang kurang menyenangkan selain mencemarkan sungai melalui pelepasan najis dan sisa kumbahan, sekali gus menjejaskan sumber air bersih.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa meskipun kaedah penternakan moden mampu mengurangkan risiko pencemaran, kos pelaksanaannya adalah tinggi dan tidak menjamin sepenuhnya keselamatan alam sekitar.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin menegaskan penternakan babi tidak wajar diteruskan sekiranya ia dilaksanakan di kawasan yang menimbulkan kegelisahan serta bantahan penduduk.

Beliau berkata, kerajaan tidak menghalang aktiviti penternakan babi secara keseluruhan, namun isu tersebut perlu ditangani secara rasional dengan mengambil kira aspek kesihatan awam, kebersihan serta keharmonian komuniti setempat.-

[MALAYSIABANGKIT](#)

Keputusan TRP Tolak Rayuan Syarikat Penternak Langgar Akta
Persaingan 2010 Tepat – Mycc

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	11 Feb



PUTRAJAYA: Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) menolak rayuan empat syarikat penternak terhadap keputusan membabitkan pelanggaran pematuan Akta Persaingan, memperkukuhkan peranan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melindungi pasaran.

Suruhanjaya itu, dalam kenyataan media berkata, ia menerima baik keputusan sebulat suara TRP yang menolak semua rayuan yang dikemukakan oleh Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn

Bhd, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, FFM Berhad dan Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd terhadap keputusan MyCC pada Disember 2023 berhubung pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Datuk Iskandar Ismail berkata, keputusan itu memperkukuhkan peranan MyCC dalam melindungi persaingan yang sihat di pasaran.

“Pasaran hanya dapat berfungsi dengan baik apabila semua perusahaan bersaing secara bebas tanpa sebarang pakatan harga yang boleh menjejaskan pengguna dan ekonomi,” katanya.

Iskandar berkata, MyCC akan terus memantau bagi memastikan syarikat terbabit serta pemain industri yang lain sentiasa mematuhi Akta Persaingan 2010.

Beliau berkata, MyCC tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap sebarang perlakuan anti-persaingan demi melindungi kepentingan perniagaan dan pengguna di negara ini.

Sementara itu, kenyataan MyCC menyebut, satu lagi syarikat yang dikenakan tindakan sama tidak meneruskan rayuannya.

Kenyataan itu menyebut, TRP bersetuju dengan dapatan MyCC bahawa syarikat berkenaan bersepakat untuk menyelaraskan kenaikan harga makanan ayam.

TRP mendapati, sebagai komponen kos utama dalam industri penternakan, sebarang penyelarasan harga boleh memberi kesan langsung kepada kos pengeluaran ayam serta harga yang perlu ditanggung oleh pengguna.

la memutuskan bahawa keputusan MyCC pada Disember 2023 itu berasaskan bukti kukuh termasuk bukti penyelarasan kenaikan harga dalam tiga tempoh berasingan antara 31 Januari 2020 hingga 30 Jun 2022.

Pada masa sama, TRP juga mengesahkan bahawa MyCC menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010 dengan betul dan sebarang perjanjian antara pesaing-pesaing untuk menetapkan harga adalah pelanggaran serius yang memudaratkan persaingan.

“TRP juga mengekalkan semua penalti kewangan dan arahan yang dikenakan oleh MyCC. Tribunal berpendapat bahawa penalti tersebut adalah sah di sisi undang-undang dan setimpal dengan tahap kesalahan yang dilakukan.

“TRP menambah bahawa tiada alasan untuk mengurangkan penalti, malah penalti tambahan terhadap salah satu syarikat kerana mengganggu proses penyiasatan turut dikekalkan,” katanya.

Pada masa sama, kenyataan itu menyebut, TRP juga menolak dakwaan bahawa MyCC bertindak secara tidak adil atau melanggar prinsip keadilan dalam aspek

procedural selain
mengesahkan bahawa
siasatan dijalankan mengikut
kuasa dan prosedur yang
diperuntukkan bawah Akta
Persaingan 2010.-

[BULETINTV3](#)

Kartel Ayam: Keputusan CAT Beri Mesej Penyelarasan Harga Dalam Rantaian Boleh Jejas Pengguna

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Dalam Talian	11 Feb



Makanan ayam merupakan komponen kos utama dalam industri penternakan unggas. Foto hiasan

KUALA LUMPUR - Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (CAT) yang mengekalkan penalti RM415.5 juta terhadap empat syarikat pengeluar makanan ayam dilihat memberi mesej jelas bahawa sebarang penyelarasan harga dalam rantaian bekalan makanan boleh menjejaskan pengguna akhir.

Keputusan sebulat suara itu sekali gus mengesahkan dapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bahawa wujud koordinasi menaikkan harga makanan

ayam antara 31 Januari 2020 hingga 30 Jun 2022.

Menerusi kenyataan, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Datuk Iskandar Ismail menegaskan makanan ayam merupakan komponen kos utama dalam industri penternakan unggas.

"Sebarang kenaikan terancang pada peringkat input berpotensi meningkatkan kos pengeluaran ayam sebelum dipindahkan kepada pasaran runcit," katanya pada Rabu.

Dalam konteks pasaran tempatan yang sensitif terhadap isu harga ayam, beliau menjelaskan tindakan menetapkan kadar kenaikan secara bersama boleh memberi kesan langsung kepada pengguna serta kestabilan rantai bekalan protein negara.

"CAT bersetuju dengan dapatan MyCC bahawa Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, FFM Berhad dan Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd telah berkoordinasi bagi menetapkan jumlah kenaikan harga makanan ayam.

"Tribunal berkenaan mendapati keputusan MyCC disokong bukti kukuh selepas meneliti dokumen serta mendengar hujahan kedua-dua pihak sepanjang prosiding rayuan," ujar beliau.

Dalam penghakiman CAT mengesahkan bahawa perjanjian antara pesaing untuk menetapkan harga adalah satu pelanggaran serius di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 kerana ia secara automatik dianggap memudaratkan persaingan.

Sehubungan itu, semua penalti kewangan serta arahan yang dikenakan MyCC dikekalkan, termasuk penalti

tambahan terhadap sebuah syarikat kerana mengganggu proses siasatan.

Tribunal turut menegaskan bahawa jumlah penalti berkenaan berada dalam had dibenarkan undang-undang dan setimpal dengan tahap keseriusan pelanggaran yang berlaku.

Lebih penting, CAT menolak dakwaan syarikat terbabit bahawa MyCC bertindak tidak adil, tanpa asas atau melanggar prinsip proses sewajarnya.

Tribunal memutuskan siasatan dijalankan dalam ruang kuasa sah serta mematuhi prosedur ditetapkan di bawah Akta Persaingan 2010.

Tambah Iskandar, keputusan itu memperkukuh peranan suruhanjaya dalam memastikan pasaran berfungsi secara telus dan kompetitif.

"Pasaran berfungsi dengan baik apabila perniagaan bersaing secara jujur dan bebas. Apabila pesaing menyelaraskan harga, ia menjejaskan proses persaingan dan boleh memberi kesan negatif kepada pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.

"MyCC akan terus memantau kelakuan syarikat terlibat serta pemain lain dalam pasaran bagi memastikan pematuhan penuh terhadap Akta Persaingan 2010.

ayam.-SINARHARIAN

"Suruhanjaya ini kekal komited mempertahankan keputusan dalam kes ini dan mengambil tindakan tegas terhadap perlakuan anti-persaingan demi melindungi perniagaan serta pengguna di Malaysia," katanya.

Pada Disember 2023, lima syarikat pengisar makanan ayam dikenakan penalti berjumlah RM415.5 juta kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melalui pembentukan kartel penetapan harga makanan ayam.

Lima syarikat itu ialah Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd (Leong Hup); FFM Berhad (FFM); Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin); Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (Dindings) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

Selain penalti, MyCC juga mengarahkan lima syarikat terbabit untuk menghentikan penyertaan daripada terlibat dalam kartel makanan ayam dan mengemukakan laporan mengenai peningkatan dan penurunan harga makanan

Kerajaan Negeri Akan Laksana Titah Sultan Selangor – Amirudin

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	11 Feb



SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang tidak berkenan aktiviti penternakan babi di negeri itu.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, perkara itu akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

“Sultan Selangor semalam telah mengeluarkan titah. Kita telah menerima titah tersebut dan akan melaksanakannya dengan sebaik mungkin,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Majlis Penyerahan Permit dan Kit Penjaja Bazar Ramadan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di sini, hari ini.

Semalam, Sultan Sharafuddin bertitah baginda tidak berkenan aktiviti penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor.

Aktiviti itu titah baginda lagi, boleh menyebabkan pencemaran udara dengan mengeluarkan bau busuk, selain mencemarkan sumber

air sungai akibat pelepasan najis dan sisa kumbahan.

Sultan Sharafuddin turut menyambut baik ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tidak bersetuju aktiviti penternakan babi dijalankan di kawasan yang dibantah penduduk tempatan serta yang boleh menimbulkan kontroversi.

Selain berpendapat aktiviti itu tidak perlu dilaksanakan, sekiranya tiada kawasan yang bersesuaian, khususnya di Selangor.

Justeru, baginda menyarankan agar pihak kerajaan memberi lesen untuk pengimportan daging babi bagi menampung permintaan dan keperluan orang bukan Islam, khususnya kaum Cina di Selangor sahaja.

Baginda turut menegaskan agar isu penternakan babi dapat dihentikan dan dimuktamadkan, kerana ia menimbulkan keresahan kepada semua pihak serta menjejaskan keamanan dan keharmonian masyarakat.-

[BULETINTV3](#)

Kerajaan Laksana Titah Sultan Selangor Tamatkan Penternakan Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Dalam Talian	11 Feb



SHAH ALAM: Kerajaan negeri akan melaksanakan titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu aktiviti penternakan babi di negeri itu ditamatkan sepenuhnya.

Menteri Besar Amirudin Shari berkata kerajaan negeri komited untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin bagi menyelesaikan polemik yang berlarutan.

“Sultan Selangor telah mengeluarkan titah semalam dan kerajaan negeri akan melaksanakannya sebaik

mungkin,” katanya ditemui selepas satu majlis.

Semalam, Sultan Sharafuddin menyeru supaya isu penternakan babi di Selangor ditamatkan sepenuhnya berikutan kesan terhadap alam sekitar serta mengambil kira komposisi demografi penduduk negeri itu.

Justeru itu, Sultan Sharafuddin bertitah supaya kerajaan dapat memberikan lesen mengimport daging babi bagi memenuhi keperluan orang bukan Islam

di Selangor.

Baginda menzahirkan kebimbangan bahawa membenarkan ladang-ladang tersebut beroperasi akan mencemarkan kawasan tadahan air dan sungai yang membekalkan air bersih kepada penduduk di Lembah Klang.

Sebelum ini, campur tangan Sultan Selangor menyebabkan kerajaan negeri membatalkan cadangan untuk memusatkan industri penternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Mengulas isu berkaitan kebimbangan masyarakat Orang Asli di Pulau Carey, Amirudin berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco negeri.-[FMT](#)

Kerajaan Selangor Akur Titah Sultan Hentikan Pembukaan Ladang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Malaysia	Dalam Talian	11 Feb



Amirudin (foto) berkata pihaknya telah menerima titah tersebut dan komited melaksanakannya sebaik mungkin. -Gambar fail

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor menzahirkan akur terhadap titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang mengarahkan supaya pembukaan ladang babi di negeri ini dihentikan sepenuhnya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pihaknya telah menerima titah tersebut dan komited melaksanakannya sebaik mungkin.

“Kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin,” katanya ringkas kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Permit dan Kit Bazar Ramadan 2026 di sini, hari ini.

Semalam, media melaporkan bahawa Sultan Sharafuddin tidak berkenan penternakan babi dijalankan di mana-mana daerah di Selangor kerana dikhuatiri menimbulkan pencemaran alam sekitar serta keresahan masyarakat.

Menurut kenyataan Pejabat Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, penternakan babi berisiko menyebabkan pencemaran udara akibat bau busuk selain mencemarkan sungai melalui pelepasan najis dan sisa kumbahan, yang boleh menjejaskan sumber air bersih.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa Baginda turut menzahirkan kebimbangan meskipun kaedah penternakan moden mampu mengurangkan pencemaran, namun kosnya tinggi dan tiada jaminan sepenuhnya terhadap keselamatan alam sekitar.

Pada masa sama, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin menegaskan bahawa penternakan babi tidak wajar diteruskan sekiranya ia dibangunkan di kawasan yang menimbulkan kegelisahan serta bantahan penduduk.

Beliau berkata kerajaan tidak menghalang penternakan babi, namun isu berkenaan perlu ditangani secara rasional dengan mengambil kira aspek kesihatan, kebersihan dan keharmonian komuniti. -[ASTROAWANI](#)

DVS, JKR Directors Among 408 Civil Servants
Honoured With Loyal Service Medal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dayak Daily	Local	Dalam Talian	11 Feb



A photo collage of Dr Adrian (left) and Cassidy awarded the Pingat Perkhidmatan Setia by Premier at Sarawak Legislative Assembly Complex on Feb 11, 2026. Photo credit: JAPEN Sarawak

KUCHING, Feb 11: Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak director Datu Dr Adrian Susin Ambud and Public Works Department (JKR) Sarawak director Datu Dr Cassidy Morris were among 408 civil servants conferred the Pingat Perkhidmatan Setia (Loyal Service Medal) at a ceremony held at the Sarawak Legislative Assembly (DUS) Complex today.

According to Sarawak Public Communication Unit (Ukas) news, the medal presentation

ceremony, marking the first session of 2026, was graced by Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

A total of 408 recipients from 18 departments and agencies, representing both State and Federal government bodies, were honoured in recognition of their distinguished service and steadfast loyalty to the public service.

Among the other heads of departments who received

the medal were Samarahan Division Resident Mohamad Irwan Bahari Bujang, Serian Division Resident Caroline Cleophas Joseph, Lands and Surveys Department Sarawak director Datu Awang Zamhari Awang Mahmood, Department of Agriculture Sarawak director Dominic Chunggat, and Social Welfare Department of Sarawak director Semawi Mohamad.

Several recipients were also recognised for their dedicated and loyal service spanning 39 years in the State civil service.

The Pingat Perkhidmatan Setia symbolises the government's appreciation for civil servants who have demonstrated exemplary commitment and integrity in carrying out their duties and responsibilities to Sarawak and its people.

Also present were Sarawak Legislative Assembly Speaker Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nasar, Sarawak Secretary Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki, Deputy Speaker Dato Idris Buang, deputy ministers and other distinguished guests. —

[DAYAKDAILY](#)

Sikap Diam Diri Majlis Veterinar Tak Boleh Diterima, Kata Kumpulan Hak Haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Dalam Talian	12 Feb



Lawyers for Animal Rights mempertimbangkan tindakan undang-undang sekiranya Majlis Veterinar Malaysia terus diam diri dalam isu pengabaian haiwan oleh seorang doktor veterinar. (Gambar Envato Elements)

Lawyers for Animal Rights kata MVC belum jelaskan sama ada tindakan diambil terhadap doktor yang didakwa di mahkamah abaikan haiwan.

PETALING JAYA: Sebuah kumpulan hak asasi haiwan sedang mempertimbangkan tindakan undang-undang terhadap Majlis Veterinar Malaysia (MVC) berhubung kegagalan badan itu untuk menjelaskan sama ada tindakan tatatertib telah diambil terhadap seorang doktor veterinar yang

didakwa di mahkamah atas tuduhan pengabaian haiwan. Lawyers for Animal Rights berkata dakwaan terhadap Dr Fadzilah Aini A Kadir melibatkan 'pelanggaran serius' kebajikan haiwan, dengan hampir 2,000 aduan awam, serta pertuduhan jenayah di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

MVC, sebagai badan pengawal selia berkanun, mempunyai kewajipan undang-undang yang jelas untuk bertindak demi kepentingan awam dan

secara bebas daripada prosiding jenayah, katanya.

Peguam kumpulan itu, Rajesh Nagarajan dan Sachpreetraj Singh Sohanpal, berkata mereka telah menghantar pertanyaan rasmi kepada MVC pada 22 Jan, bagi mendapatkan pengesahan sama ada prosiding tatatertib telah dimulakan atau sama ada lesen pengamal tersebut masih kekal.

Mereka juga memohon pengesahan sama ada langkah perlindungan interim telah dilaksanakan.

Menurut kumpulan itu, Akta Doktor Veterinar 1974 memberi kuasa kepada MVC untuk mengadakan siasatan terhadap salah laku profesional dan untuk menggantung atau membuang nama pakar bedah veterinar daripada senarai berdaftar.

Mereka juga berkata maklum balas daripada MVC adalah penting memandangkan terdapat kebimbangan awam berhubung piawaian profesional veterinar dan perlindungan kebajikan haiwan di Malaysia.

Kumpulan itu kesal kerana masih belum menerima sebarang maklum balas, sambil menambah bahawa 'tindakan membisu' majlis itu

tidak boleh diterima.

"Tindakan membisu pengawal selia dalam berdepan dakwaan serius kebajikan haiwan menghakis kepercayaan awam, menjejaskan akauntabiliti profesional, dan memberi isyarat ketidakpedulian institusi.

"Jika kegagalan ini berterusan, tindakan undang-undang untuk memaksa akauntabiliti pengawalseliaan tidak dapat dielakkan," kata kumpulan itu kepada FMT.

Sementara itu, Rajesh berkata badan itu masih boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap Fadzilah walaupun kes mahkamahannya sedang berjalan, kerana kedua-duanya adalah isu yang berasingan.

Pada 31 Dis, Fadzilah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan meninggalkan penjagaan seekor kucing dan seekor anjing di bawah jagaannya sehingga menyebabkan kematian haiwan tersebut di sebuah premis pada Disember lalu.

Dia didakwa di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015, membawa denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000, atau

penjara sehingga tiga tahun,
atau kedua-duanya sekali,
jika sabit kesalahan.-FMT

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR